



Skim Bursari BP40

Pengajian bertaraf antarabangsa Australia
pada kadar yuran IPTA



Yayasan Sarawak



Apa itu Skim Bursari BP40?

Universiti Teknologi Swinburne Kampus Sarawak, dengan kerjasama Yayasan Sarawak, menawarkan peluang pengajian antarabangsa kepada pelajar Bumiputera Sarawak. Melalui Skim Bursari BP40, pelajar berpeluang menikmati pengajian Australia dengan yuran serendah IPT awam!

Universiti Swinburne Sarawak komited membina modal insan bagi menyokong visi Kerajaan Sarawak menjadi negeri maju dan berpendapatan tinggi menjelang 2030.

Terhad untuk 100 orang pelajar sahaja.

Siapa yang layak?

- Pelajar Bumiputera Sarawak
- Mendapat tawaran belajar di peringkat Pra-Universiti, Diploma dan Sarjana Muda di Swinburne Sarawak
- Isi rumah kumpulan B40/M40
- Mendapat Kredit dalam Bahasa Melayu peperiksaan SPM, GCE O-Level (Singapura dan Brunei), mahupun peperiksaan UEC

Apakah kelebihan skim bursari ini?

Tawaran bursari pengajian sehingga 80%.

Pelajar juga layak memohon Pinjaman Pengajian Yayasan Sarawak tanpa faedah bagi menampung baki yuran mereka.

- Elaun sara hidup anggaran sebanyak RM2,000 setiap semester*
- Rebat pinjaman pelajaran sehingga 75%.

*Elaun sara hidup adalah sebahagian daripada Pinjaman Pelajaran Yayasan Sarawak yang dipohon. Anggaran jumlahnya adalah RM2,000 atau bergantung kepada baki lebih selepas yuran pengajian untuk semester dijelaskan.

Setelah tamat pengajian, anda mungkin menerima rebat daripada jumlah yuran pengajian anda seperti butiran di bawah:

- Rebate 75% dari yuran pengajian dengan pencapaian PNGK 3.5 ke atas.
- Rebate 50% dari yuran pengajian dengan pencapaian PNGK 3.0 ke atas.

Universiti Teknologi Swinburne Kampus Sarawak

Swinburne Sarawak menawarkan program pengajian yang diiktiraf antarabangsa.

Selaku sebuah kampus antarabangsa yang dimiliki kerajaan negeri Sarawak, Swinburne Sarawak memberi anda peluang untuk memiliki ijazah Australia bertaraf antarabangsa.

Kampus sebesar 16.5 ekar ini terletak di bandaraya Kuching serta menawarkan kemudahan pembelajaran serba lengkap. Dengan program pengajian yang praktikal dan berorientasikan kerjaya, ianya serbasama dengan program yang ditawarkan di kampus utama kami di Melbourne, Australia.

Skim Bursari BP40

Program Pengajian (tempoh pengajian)	Yuran Pengajian Asal (RM)	Yuran Pengajian di bawah Skim BP40 (RM)*
Program Bahasa Inggeris** (10 minggu*)	2,850	570
Pra-U (1 tahun) <ul style="list-style-type: none">• Perniagaan• Seni Reka• Kejuruteraan / Sains• Teknologi Maklumat / Multimedia	20,400	4,080
Bidang Pengajian: Perniagaan, Reka Bentuk dan Seni		
Diploma <ul style="list-style-type: none">• Pengurusan (2 tahun)• Pendidikan Awal Kanak-kanak (2.5 tahun)• Perakaunan (2 tahun)• Reka Bentuk Media Digital (2 tahun)	39,420	7,884
Sarjana Muda <ul style="list-style-type: none">• Perniagaan (3 tahun)• Perniagaan jurusan Perakaunan dan Kewangan (3 tahun)• Seni Reka (3 tahun)• Perniagaan jurusan Pengurusan dan Media Digital (3 tahun)• Media dan Komunikasi (3 tahun)	84,240	16,848
Dwi-Ijazah <ul style="list-style-type: none">• Perniagaan / Teknologi Maklumat & Komunikasi (4 tahun)• Seni Reka / Perniagaan (4 tahun)	116,480	23,296
Bidang Pengajian: Kejuruteraan, Pengkomputeran dan Sains		
Diploma <ul style="list-style-type: none">• Teknologi Maklumat (2 tahun)• Ukur Bahan (3 tahun)	40,860	8,172
Sarjana Muda <ul style="list-style-type: none">• Sains (3 tahun)• Teknologi Maklumat & Komunikasi; Sains Komputer; Sains Data; Keselamatan Siber (3 tahun)• Ukur Bahan dengan Kepujian (4 tahun)• Kejuruteraan (Kimia) dengan Kepujian (4 tahun)• Kejuruteraan (Perisian) dengan Kepujian (4 tahun)• Kejuruteraan dengan Kepujian (4 tahun)	114,960	22,992
Dwi-Ijazah <ul style="list-style-type: none">• Kejuruteraan (5 tahun)	176,400	35,280

**Tertakluk kepada terma

*Mengikut peringkat pembelajaran

*Dibundarkan kepada Ringgit terdekat



UNIVERSITI MILIK NEGERI SARAWAK

melalui Yayasan Sarawak



1% UNIVERSITI TERBAIK SEDUNIA

QS World University Rankings 2024



95% KEBOLEHKERJAAN

Graduate Employability Rate Swinburne Sarawak Graduate Tracking 2022*

*enam bulan selepas tamat pengajian

Program Pra-U

Pengambilan Januari 2025

Permohonan dibuka: 2 Disember 2024
Tarikh Tutup: 17 Januari 2025

Pengambilan Julai 2025

Permohonan dibuka: 2 Jun 2025
Tarikh Tutup: 18 Julai 2025

Pengambilan Ogos 2025

Permohonan dibuka: 21 Julai 2025
Tarikh Tutup: 12 September 2025

Program Diploma dan Ijazah

Pengambilan Februari 2025

Permohonan dibuka: 13 Januari 2025
Tarikh Tutup: 14 Mac 2025

Pengambilan Ogos 2025

Permohonan dibuka: 21 Julai 2025
Tarikh Tutup: 12 September 2025



Hubungi Kami



Untuk Maklumat Lanjut

CRICOS Provider Code (Swinburne University of Technology): 00111D

DULN004(Q) MQA/SA/0007 Co. No. 199901022294

Maklumat terkandung dalam risalah ini adalah tepat pada masa penerbitan, Februari 2025.

Universiti Swinburne berhak mengubah atau meminda mana-mana bahan yang terkandung dalam risalah ini.

Untuk maklumat terkini, layari laman web kami.

KETAHUI LEBIH LANJUT
swinburne.edu.my

study@swinburne.edu.my | +6082 415 353